

## **Hong Leong Akaun Semasa Mata Wang Asing-i Terma & Syarat**

Terma dan syarat ini hendaklah dibaca bersama-sama secara keseluruhan dengan Terma dan Syarat Am bagi Deposit dan Deposit Perbankan Islam. Terma-terma dan Syarat-Syarat bagi Hong Leong Akaun Semasa-i dan Akaun Simpanan-i, Terma dan Syarat bagi Perbankan Internet Hong Leong, dan mana-mana terma dan syarat lain yang berkaitan seperti yang mungkin dikenakan oleh Hong Leong Islamic Bank Berhad (“HLISB”) dari semasa ke semasa dengan memberi maklumat awal **Dua Puluh Satu (21)** hari kalendar terlebih dahulu.

### **1. Definisi & Interpretasi**

1.1 Terma dan ekspresi di bawah akan mempunyai makna-makna tertentu yang diperuntukkan kepadanya melainkan konteks memerlukan sebaliknya:

- (a) “Akaun” bermaksud mana-mana akaun atau akaun-akaun di bawah Akaun Semasa Mata Wang Asing-i dalam apa jua mata wang asing yang diterima untuk dibuka oleh HLISB atau akan dibuka oleh Pelanggan dengan Bank dari semasa ke semasa; dan
- (b) “Pelanggan” bermaksud pelanggan HLISB termasuk perkongsian, perniagaan tunggal, syarikat, persatuan, pertubuhan, organisasi dan badan berkanun serta di mana berkenaan wakil peribadi dan pengganti dalam hak milik melainkan dinyatakan sebaliknya.
- (c) “Hutang Ringgit Tempatan” bermaksud:
  - (i) Sebarang hutang dalam Ringgit yang diperolehi oleh Residen daripada Residen yang lain; atau
  - (ii) Sebarang kewajipan dianggap sebagai Hutang Ringgit Tempatan di bawah Maklumat Penukaran Asing (FE Notices)
- (d) Entiti bermaksud
  - (i) sebarang perbadanan, badan berkanun, pihak berkuasa tempatan, pertubuhan, koperasi, perkongsian liabiliti terhad dan badan, organisasi, pertubuhan atau kumpulan perseorangan, sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan;

- (ii) Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri atau kerajaan yang lain
- (e) Makluman Mata Wang Asing sepertimana yang mungkin dipinda atau ditambah, yang boleh didapati di lawan sesawang Bank Negara Malaysia: [https://www.bnm.gov.my/index.php?lang=en&ch=fea&pg=en\\_fea\\_overview&ac=100](https://www.bnm.gov.my/index.php?lang=en&ch=fea&pg=en_fea_overview&ac=100)
- (f) “Perkongsian Am” mempunyai maksud yang sama dengan “perkongsian” seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 3(1) Akta Perkongsian 1961.
- (g) “Bank Tempatan Berlesen” bermaksud:
  - (i) bank berlesen atau bank pelaburan berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013; dan
  - (ii) Bank Islamik berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.
- (h) Residen bermaksud:
  - (i) rakyat Malaysia, tidak termasuk rakyat yang memperoleh status residen tetap di negara atau wilayah di luar Malaysia dan menetap di luar Malaysia.
  - (ii) bukan rakyat Malaysia yang telah memperoleh status residen tetap di Malaysia dan secara lazimnya menetap di Malaysia
  - (iii) satu badan diperbadankan atau dibentuk, atau didaftar dengan atau diluluskan oleh pihak berkuasa di Malaysia;
  - (iv) badan yang tidak diperbadankan yang didaftar dengan atau diluluskan oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia
  - (v) Kerajaan atau Kerajaan Negeri
  - (vi) “Ringgit Malaysia” atau “RM” bermaksud mata wang yang sah digunakan di Malaysia

## 2. Prinsip Syariah

- 2.1 Hong Leong Akaun Semasa Mata Wang Asing-i (“Akaun Semasa Mata Wang Asing-i”) ialah akaun semasa Islamik yang berasaskan prinsip Tawarruq. Tawarruq ialah prinsip Syariah yang merujuk kepada beberapa urusan niaga jual beli. Mekanisma yang terlibat adalah:

- i) HLISB bertindak sebagai Ejen membeli Komoditi bagi pihak Pelanggan dengan Harga Belian.
- ii) HLISB sebagai Ejen kepada Pelanggan menjual Komoditi kepada HLISB dengan Harga Jualan berdasarkan Murabahah (kontrak penjualan dengan pendedahan harga kos aset dan margin keuntungan kepada pembeli.) yang akan dibayar kepada Pelanggan secara bertanggung sepanjang tempoh (setelah mengambil kira apa-apa rebat jika ada).
- iii) HLISB kemudian akan menjual Komoditi kepada pihak ketiga atas dasar tunai dan serta merta.

Tawarruq juga boleh berlaku dengan konsep Musawamah atau jual beli/tawar menawar adalah satu kontrak penjualan tanpa pendedahan harga kos aset dan margin keuntungan kepada pembeli. Bagi kegunaan Akaun Mata Wang Asing-i ini, ia digunakan sebagai akaun tanpa keuntungan.

2.2 Selain daripada Tawarruq, Akaun Semasa Mata Wang Asing-i juga mengguna pakai prinsip Syariah lain sepertimana yang dibenarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM"), dimana perlu. Prinsip Syariah tersebut adalah:-

- i) Bai' al-Sarf  
Bai' al-Sarf merujuk kepada kontrak jual beli mata wang. Bai' al-Sarf dalam Akaun Semasa Mata Wang Asing-i merujuk kepada situasi di mana pelanggan akan menjual mata wang kepada HLISB untuk mata wang yang lain secara serta merta dan pada kadar pertukaran semasa Bank. Hasil pertukaran tersebut akan digunakan untuk penjualan dan pembelian aset Komoditi berdasarkan kontrak Tawarruq sepertimana Hong Leong Akaun Semasa-i dan Akaun Simpanan-i

### **3. Pembukaan Akaun**

3.1 Akaun boleh dibuka dalam sebarang mata wang asing (selain daripada Ringgit Malaysia) yang diterima oleh HLISB setelah mendapat semua dokumen dan rujukan yang diperlukan dan diterima oleh HLISB. Pelanggan bersetuju untuk menguatkuasakan sebarang dokumen dan juga melakukan sebarang tindakan yang diperlukan oleh HLISB pada masa sekarang atau masa hadapan berhubungan dengan Akaun dan sebarang servis berkaitan.

#### 4. Operasi Akaun

- 4.1 Pelanggan akan mengendalikan Akaun tersebut dengan memberi arahan bertulis dan di mana perlu melalui borang dan instrumen yang ditetapkan oleh HLISB dari semasa ke semasa. Semua transaksi untuk deposit atau pengeluaran dari Akaun hanya dibenarkan dalam bentuk draf bank, pemindahan atau sebarang kaedah yang ditetapkan oleh HLISB. Peraturan-peraturan di bawah akan diguna pakai :-
- (a) tiada buku cek akan dikeluarkan bagi Akaun tersebut; dan
  - (b) tiada tunai atau wang kertas dalam apa jua mata wang yang ditransaksikan bagi Akaun tersebut.
- 4.2 Keuntungan di bawah Akaun Mata Wang Asing-i ialah 0% atau apa-apa kadar keuntungan yang akan ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa dengan notis terlebih dahulu berdasarkan kadar keuntungan rata tanpa mengira amaun.
- 4.3 Terlebih keluar (*overdrawn*) tidak dibenarkan kecuali mendapat kebenaran daripada HLISB dan setiap amaun yang terlebih keluar perlu dibayar semula apabila diminta untuk berbuat demikian.
- 4.4 HLISB mempunyai hak, pada setiap masa, untuk mengeluarkan kembali jumlah yang telah tersalah kredit ke dalam Akaun atau sekiranya Pelanggan telah mengubah posisinya berdasarkan kepada tindakan kredit tersebut. Mana-mana amaun yang didebitkan hasil daripada tindakan mengeluarkan kembali jumlah tersebut perlu dianggap sebagai hutang oleh Pelanggan kepada HLISB dan wajib dibayar apabila diminta untuk berbuat demikian.
- 4.5 Pelanggan perlu membuka akaun semasa-i dalam mata wang Ringgit Malaysia untuk memudahkan penukaran kepada Ringgit Malaysia atau sebaliknya.
- 4.6 Apabila perlu, Pelanggan perlu mengemukakan maklumat atau dokumen sokongan seperti yang dipinta oleh HLISB bagi tujuan pematuhan kepada Makluman Tukaran Asing (FE Notices), laporan undang-undang atau sepertimana yang diperlukan dalam fasal 8.1.
- 4.7 Pelanggan perlu mengendali dan mengekalkan semua Akaun Mata Wang Asing-i yang dibuka di HLISB mengikut sumber yang dibenarkan dan menggunakan dana tersebut sepertimana yang telah ditetapkan oleh Makluman Pertukaran Asing ( FE Notices)

4.8 Transaksi deposit atau pengeluaran tunai antara cawangan HLISB dibenarkan.

## 5. Deposit Ke Dalam Akaun

5.1 Untuk tujuan sebarang kutipan bagi pihak Pelanggan, HLISB berhak untuk menggunakan sebarang kaedah yang difikirkan wajar untuk mendapatkan hasil daripada kutipan tersebut.

5.2 Sekiranya dalam keadaan di mana pihak HLISB tidak mungkin dapat mengemukakan sebarang cek ataupun instrumen yang dikirimkan oleh Pelanggan dalam tempoh masa yang berkaitan, atau untuk menasihati pihak bank yang membuat penyerahan dalam tempoh masa tertentu tentang ketiadaan bayaran atau ketiadaan penerimaan, HLISB tidak bertanggungjawab ke atas Pelanggan dan Pelanggan dengan ini melepaskan sebarang hak untuk mengambil tindakan ke atas HLISB.

5.3 Deposit adalah dalam mata wang Akaun yang berkenaan. Sekiranya dana yang diterima dalam Akaun berkenaan tidak dalam mata wang yang diterima oleh kedua-dua belah pihak, maka HLISB berhak bagi tujuan ini untuk menukarkan dana tersebut ke dalam mata wang yang telah dipersetujui bersama dengan nilai yang bersamaan pada kadar tukaran (*spot rate of exchange*) pada masa itu seperti yang ditentukan oleh HLISB.

5.4 Hasil daripada draf, cek atau instrumen lain untuk dikreditkan ke dalam Akaun ("Dana tersebut") hanya akan dikreditkan ke dalam Akaun tersebut setelah cawangan HLISB di mana Akaun itu dibuka telah menerima Dana tersebut. Sebarang Dana, dengan budi bicara HLISB, yang dikreditkan ke dalam Akaun tersebut sebelum kutipan ataupun bayaran terakhir akan dikreditkan ke dalam Akaun tersebut bergantung kepada penerimaan muktamad oleh HLISB. Sekiranya HLISB tidak dengan sebarang alasan, menerima sebarang Dana ataupun jika cek, draf ataupun instrumen tak laku, HLISB layak pada bila-bila masa untuk menarik balik sebarang kredit (sebahagian atau keseluruhannya) daripada Akaun tersebut. Pelanggan hendaklah melepaskan HLISB daripada sebarang kerugian, kerosakan dan perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh HLISB dan HLISB berhak untuk mendebit Akaun anda dengan jumlah tersebut.

## **6. Pengeluaran Daripada Akaun**

- 6.1 HLISB pada bila-bila masa dan di atas budi bicara mutlaknyanya boleh menolak sebarang pengeluaran atau mengehendkan jumlah yang boleh dikeluarkan.
- 6.2 Semua bayaran atau pemindahan yang dikuatkuasakan oleh HLISB akan didebitkan ke dalam Akaun pada tarikh yang ditentukan oleh HLISB.
- 6.3 Sekiranya jumlah amaun daripada pesanan ataupun arahan yang diberikan oleh Pelanggan melebihi baki kredit Akaun tersebut, HLISB berhak, atas budi bicara mutlaknyanya, untuk menentukan pesanan atau arahan mana yang akan dikuatkuasakan, sama ada keseluruhannya atau sebahagian, tanpa mengambil kira tarikh penghantaran atau penerimaan.
- 6.4 Bayaran atau pemindahan daripada Akaun tersebut adalah dalam mata wang Akaun berkenaan atau pada pilihan HLISB, Ringgit Malaysia. Sekiranya HLISB membuat sebarang bayaran atau pemindahan daripada Akaun tersebut dalam mata wang lain selain daripada mata wang Akaun itu, HLISB berhak, di atas budi bicara mutlaknyanya, untuk menukar mata wang Akaun tersebut kepada mata wang lain pada kadar tukaran yang ditentukan oleh HLISB.

## **7. Penutupan Akaun**

- 7.1 Pada masa penutupan Akaun, sama ada oleh HLISB atau Pelanggan, HLISB atas budi bicaranyanya boleh menahan sejumlah amaun bersamaan dengan sebarang liabiliti yang belum dijelaskan oleh Pelanggan kepada HLISB.

## **8. Pematuhan Terhadap Undang-Undang, Peraturan dan Hukum Oleh Pelanggan**

- 8.1 Pelanggan berjanji dengan HLISB bahawa Pelanggan akan sentiasa mematuhi pada setiap masa semua undang-undang, syarat, peraturan, arahan, garis panduan (sama ada mempunyai kuat kuasa undang-undang atau sebaliknya) termasuk semua syarat kelayakan dan peraturan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan perundangan atau pihak berkuasa ataupun agensi (kerajaan atau sebaliknya), dalam perkara berkaitan dengan pembukaan dan operasi Akaun. Pelanggan berjanji akan serta-merta memaklumkan HLISB secara bertulis sekiranya berada dalam keadaan melanggar undang-undang, syarat, peraturan, arahan dan garis panduan.

Pelanggan berjanji untuk:-

- (a) akan sentiasa mematuhi pada setiap masa, semua undang-undang, syarat, peraturan, arahan, garis panduan ( termasuk arahan mengenai transaksi dalam dan luar negara atas apa-apa nama yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (“BNM”), dimana, pada kadar semasa ini, Makluman Pertukaran Asing (FE Notices), garis panduan ( sama ada mempunyai kuasa undang-undang atau sebaliknya) termasuk semua syarat kelayakan dan peraturan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan perundangan atau pihak berkuasa ataupun agensi (kerajaan atau sebaliknya), dalam perkara berkaitan dengan:
  - (i) pembukaan dan operasi Akaun dan
  - (ii) penggunaan dana
- (b) Apabila perlu, Pelanggan perlu mengemukakan maklumat atau dokumen sokongan seperti yang diminta oleh HLISB bagi tujuan pematuhan kepada Makluman Tukaran Asing (FE Notices), atau keperluan lain yang dikenakan oleh badan perundangan yang berkaitan; dan
- (c) Memaklumkan HLISB secara bertulis sekiranya berada dalam keadaan melanggar undang-undang, syarat, peraturan, arahan dan garis panduan.

## 8.2 Berkaitan dengan Pelanggan Entiti sahaja:-

- (a) Merujuk kepada Makluman Pertukaran Asing (FE Notices) semua akaun yang dibuka oleh pelanggan entiti akan ditetapkan sama ada sebagai Akaun Semasa Mata Wang Asing-i Dagangan (Trade Foreign Currency Current Account-i (TFCA-i)) atau Akaun Semasa Mata Wang Asing-i Pelaburan (Investment Foreign Currency Current Account-i (IFCA-i)) berdasarkan tujuan akaun tersebut dibuka. Pengelasan Akaun Semasa Mata Wang Asing Dagangan-i atau Akaun Semasa Mata Wang Asing Pelaburan-i adalah seperti berikut:-
  - (i) Bagi Akaun Semasa Mata Wang Asing-i Dagangan, Pelanggan Entiti mestilah pengeksport/pengimport, atau Pelanggan Entiti mempunyai kewajipan mata wang asing, sebagai contoh bayaran import dan pembayaran mata wang asing.

- (ii) Bagi Akaun Semasa Mata Wang Asing-i, Pelanggan Entiti adalah bukan pengeksport/pengimport atau tidak mempunyai kewajipan mata wang asing, sebagai contoh pembayaran import dan pembayaran mata wang asing.

Pelanggan yang merupakan Entiti Residen (selain daripada pemilikan tunggal dan perkongsian am) yang mempunyai hutang dalam negeri adalah tertakluk kepada had pelaburan bersamaan RM 50 Juta setiap satu tahun kalendar melalui sumber dana keseluruhan:-

- (a) Penukaran dari Ringgit Malaysia ke mata wang asing
- (b) Akaun Semasa Mata Wang Asing-i Dagangan
- (c) Hutang ( sepertimana yang diterangkan dalam Makluman Penukaran Asing (FE Notices) dalam mata wang asing daripada Bank “Onshore’ Berlesen untuk kegunaan selain daripada Pelaburan Langsung di Luar Negara ( sepertimana yang ditetapkan dalam Makluman Pertukaran Asing (“FE Notices”); dan
- (d) Pertukaran aset Ringgit di Malaysia untuk aset kewangan di luar Malaysia.

8.2 Pengiraan had pelaburan adalah terkumpul kepada satu tahun kalendar untuk kumpulan korporat ( dengan syarikat dan anak syarikat)

## **9. Cukai dan Risiko**

9.1 Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa terdapat risiko dalam urus niaga mata wang asing termasuk tetapi tidak terhad kepada risiko akibat perubahan kadar tukaran, kenaikan dan penurunan nilai mata wang, cukai, pemindahan secara paksa atau perubahan dalam polisi kerajaan atau sebarang sebab yang di luar kawalan HLISB. Pelanggan bersetuju bahawa HLISB berhak and diberi kuasa untuk membuat sebarang pertukaran atau pertukaran semula mata wang asing yang dikehendaki oleh undang-undang dan/atau mengikut Terma dan Syarat ini untuk sebarang bayaran, pemotongan, cukai tertahan atau sebarang cukai atau levi dan HLISB tidak akan dipertanggungjawabkan oleh Pelanggan atau mana-mana pihak lain untuk sebarang kerugian yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan atau pihak lain untuk sebarang pertukaran atau pertukaran semula.



## **10. Tolak Selesai**

10.1 Tanpa menjejaskan dan sebagai tambahan kepada sebarang remedi untuk tolak selesai yang ada pada HLISB di bawah undang-undang mana-mana bidang kuasa berkaitan, HLISB boleh melaksanakan pada bila-bila masa dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Pelanggan sebarang hak untuk tolak selesai, penggabungan atau penyatuan antara apa-apa jumlah dalam mana-mana akaun yang dipegang oleh HLISB dan sebarang liabiliti ke atas HLISB atau apa-apa pelucutan hak, pengekalan atau cagaran ke atas sebarang jumlah yang dipegang oleh HLISB sejajar dengan dan tertakluk kepada undang-undang Malaysia tidak termasuk berikut:

- (a) jumlah yang dipegang oleh HLISB adalah dalam mata wang asing yang berbeza daripada apa yang dihutang, terhutang atau ditanggung oleh HLISB; atau
- (b) jumlah yang dipegang oleh HLISB belum sampai tarikh matang dan belum dibayar kepada Pelanggan; atau
- (c) jumlah dihutang, terhutang atau ditanggung oleh HLISB pada masa ini perlu dibayar; atau
- (d) jumlah yang dipegang oleh HLISB berada dalam bidang kuasa atau cawangan HLISB yang lain daripada jumlah dihutang atau terhutang atau ditanggung oleh HLISB.

10.2 Sekiranya sebarang jumlah yang dipegang oleh HLISB adalah dalam mata wang yang berbeza daripada yang dihutang, terhutang atau ditanggung oleh HLISB, maka HLISB berhak dan diberi kuasa untuk menukarkan mata wang tersebut kepada mata wang yang diterima oleh HLISB dengan kos ditanggung oleh Pelanggan.

## **11. Liabiliti**

11.1 HLISB tidak akan dipertanggungjawabkan, dan akan dilindungi oleh Pelanggan sepenuhnya daripada sebarang kerugian, kerosakan atau liabiliti lain yang dialami oleh Pelanggan atau HLISB yang berpunca :

- (a) akibat daripada HLISB bertindak di atas sebarang arahan ataupun komunikasi berdasarkan niat baik mempercayai Pelanggan atau orang lain yang diberi kuasa oleh Pelanggan untuk memberi dan menghantar arahan atau komunikasi kepada HLISB; atau
- (b) akibat daripada sebarang kesilapan atau kegagalan di dalam transmisi sebarang arahan atau komunikasi tersebut.

11.2 HLISB tidak akan dipertanggungjawabkan ke atas Pelanggan atau orang lain di atas sebarang kerugian yang dialami secara langsung atau tidak langsung oleh Pelanggan tanpa mengira keadaan.

## 12. Bayaran Perkhidmatan, Caj dan Kos

12.1 HLISB berhak untuk mengenakan bayaran perkhidmatan, kos lain dan caj-caj yang berkaitan ke atas semua cek, draf, instrumen lain yang dideposit atau dikeluarkan daripada Akaun dan semua urusan niaga, termasuk caj perkhidmatan bank, komisen, bayaran pos, caj kabel. HLISB mempunyai hak mutlak untuk mengubah bayaran perkhidmatan dan caj-caj lain pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Pelanggan dan Pelanggan dengan ini memberi kuasa kepada HLISB untuk mendebit Akaun atau menolak sebarang bayaran, komisen dan caj daripada akaun tersebut tanpa perlu memberi notis lagi kepada Pelanggan.

## 13. Notis

13.1 Tertakluk kepada kepatuhan Syariah, HLISB mempunyai hak pada bila-bila masa dengan memberi **Dua Puluh Satu (21)** hari kalendar makluman awal terlebih dahulu untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau mengubah terma & syarat yang terkandung di sini, sama ada keseluruhan atau sebahagian atas budi bicaranya yang mutlak dengan menyiarkannya dalam laman web HLISB, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLISB. Pemegang Akaun disarankan untuk mengakses laman web dari semasa ke semasa untuk menyemak terma & syarat dan memastikan supaya sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada terma & syarat.

## 14. Perwakilan dan Waranti

14.1 Pelanggan dengan ini mengesahkan bahawa semua perwakilan dan waranti yang diberikan kepada HLISB di dalam permohonan adalah benar dan betul dan akan kekal benar dan betul selagi Akaun tersebut masih kekal dengan HLISB. Pelanggan berjanji akan segera memaklumkan HLISB sekiranya terdapat sebarang perubahan ke atas maklumat yang telah diberikan kepada HLISB.

**Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit**